PP

lwn.

MOHAMAD TAWAKAL

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
RAMLY ALI HMR
AZHAR MAAH HMR
ABDUL AZIZ ABDUL RAHIM HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: S-05-422-2010]
17 MEI 2012

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Rayuan terhadap - Orang Kena Tuduh (OKT) dikenakan hukuman penjara 20 tahun bagi kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan hukuman penjara 15 tahun 6 sebatan bagi kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun Keseksaan - Sama ada hukuman-hukuman sepatutnya dijalankan secara berasingan (consecutive) dan bukan serentak (concurrent) - Sama ada kedua-dua kesalahan bukan satu transaksi - Sama ada kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi OKT - Faktor-faktor mitigasi - Sama ada mencukupi untuk menyelamatkan OKT daripada dihukum secara berasingan*

Rayuan ini merupakan rayuan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu di mana responden (OKT) telah dikenakan hukuman penjara 20 tahun (bagi kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan) dan hukuman penjara 15 tahun dan 6 sebatan (bagi kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun Keseksaan); dan kedua-dua hukuman tersebut berjalan secara serentak (concurrent) dari tarikh tangkap. Fakta kes menunjukkan bahawa OKT, pada hari kejadian tersebut, telah meminum arak bersama kawan-kawannya termasuk si mati dan suami si mati. Apabila suami si mati dan kawan lain meninggalkan tempat itu, OKT dengan sengaja telah masuk ke bilik si mati (yang sedang tidur ketika itu) dan merogolnya. Apabila si mati sedar dari tidurnya, beliau telah mengambil pisau untuk mempertahankan dirinya. OKT telah merampas pisau tersebut daripada si mati dan menikam si mati sebanyak 35 tikaman. TPR melalui rayuan ini menghujahkan kedua-dua hukuman tersebut sepatutnya dijalankan secara "consecutive" dari tarikh tangkap, dan bukan secara "concurrent." Sebagai mitigasi, OKT menghujahkan, antara lain (a) OKT mempunyai dua orang anak, berumur 7 dan 9 tahun yang tinggal bersama ibu

A OKT; (b) OKT dan si mati kedua-duanya dalam keadaan mabuk semasa kejadian berlaku; (c) OKT telah menyesal tentang perlakuannya dan (d) OKT telah mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan; ini telah menjimatkan kos dan masa mahkamah.

B **Diputuskan (membenarkan rayuan TPR):**
Oleh Ramly Ali HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Kedua-dua kesalahan yang disabitkan ke atas OKT adalah merupakan kesalahan yang sangat serius. Bagi kesalahan di
C bawah s. 304(a) nyawa seorang manusia telah hilang; manakala bagi kesalahan di bawah s. 376(1) pula maruah seorang wanita serta kaum keluarganya telah terjejas dan tercemar. Isu kepentingan awam perlu diberikan keutamaan di dalam menimbangkan hukuman di dalam kes ini. Kepentingan awam
D mengatasi kepentingan peribadi OKT di dalam kes sedemikian. (perenggan 10 & 11)

(2) Mahkamah perlu mengimbangkan ciri 'deterrence' dengan ciri 'rehabilitation' di dalam mengenakan hukuman yang setimpal
E dan berpatutan - "to strike a right balance between the two." Sesuatu hukuman yang berciri "deterrence" bukan sahaja menghalang OKT daripada mengulangi kesalahannya di masa akan datang, tetapi juga perlu menghalang orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama. Hukuman yang setimpal
F dalam fakta kes ini ialah suatu tempoh penjara yang agak panjang supaya pihak penjara dapat 'rehabilitate' OKT secukupnya. OKT adalah seorang yang 'bahaya' dan patut diasingkan daripada masyarakat setempat bagi suatu tempoh yang panjang. Merogol dan kemudian menikam simati sebanyak
G 35 tikaman merupakan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh seseorang ke atas isteri kawannya sendiri. (perenggan 15, 17 & 18)

(3) Kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan merupakan
H kesalahan yang berbeza (distinct) daripada kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun yang sama. Semasa kesalahan di bawah s. 304(a) dimulakan, OKT telah pun selesai melakukan kesalahan di bawah s. 376(1). Ini bermakna kedua-dua kesalahan tersebut bukan merupakan satu transaksi, juga
I bukan merupakan kesalahan 'principal' dan 'subsidiary'. Semasa si mati tersedar dari tidurnya dan mengambil pisau dari atas

TV, kesalahan merogol telah pun selesai. OKT sepatutnya boleh beredar dan meninggalkan si mati. Sebaliknya OKT merampas pisau tersebut dari tangan si mati dan menikam si mati sebanyak 35 kali yang akhirnya menyebabkan kematian si mati. Ini merupakan tindakan yang berasingan yang dilakukan secara sedar. (perenggan 19 & 20)

(4) Faktor mitigasi yang dikemukakan oleh OKT tidak begitu mencukupi untuk menyelamatkan beliau daripada dihukum secara "consecutive." Kepentingan peribadi OKT, perasaan penyesalan OKT, pengakuan salah oleh OKT terhadap kesalahan berkenaan; semua ini tidak cukup untuk mengenepikan faktor kepentingan dan keselamatan awam. Mitigasi yang mengatakan OKT di dalam keadaan mabuk semasa kejadian berlaku adalah dakwaan kosong dan tidak disokong oleh keterangan yang sah. Tindakan OKT memasuki rumah dan bilik si mati dan seterusnya menarik kain dan seluar dalam si mati dan terus merogolnya bukan merupakan tindakan seorang yang mabuk sehingga tidak mengetahui apa yang dilakukan. (perenggan 21 & 22)

(5) Pesuruhjaya Kehakiman telah khilaf di dalam memutuskan bahawa kedua-dua hukuman di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan s. 376(1) Kanun yang sama ke atas OKT (responden) dijalankan secara 'concurrent' dari tarikh tangkap. Kedua-dua hukuman tersebut ke atas OKT hendaklah dijalankan secara berasingan (consecutive) dari tarikh tangkap. (perenggan 24)

English *Translation of Headnotes*

This was an appeal by the Deputy Public Prosecutor (DPP) against the decision of the Judicial Commissioner of the Kota Kinabalu High Court wherein the respondent (OKT) was sentenced to 20 years imprisonment (for an offence under s. 304(a) Penal Code) and 15 years imprisonment and six strokes of whipping (for an offence under s. 376(1) Penal Code); both sentences to run concurrently from the date of the arrest. The facts of the case showed that OKT, on the day of the incident, had been consuming alcohol with some friends, which included the deceased and the husband of the deceased. When the deceased's husband and the others left the place, OKT had deliberately entered the deceased's room (who was sleeping at the

time) and raped her. As soon as the deceased woke up from her sleep, she grabbed a knife to defend herself. OKT had snatched the said knife from the deceased and proceeded to stab her 35 times. The DPP in this appeal submitted that both sentences should run consecutively, and not concurrently. As mitigation, OKT submitted that, *inter alia* (a) OKT had two young children, aged 7 and 9 that lives with his mother; (b) OKT and the deceased had both been under the influence of alcohol when the incident took place; (c) OKT was remorseful and regrets his actions and (d) OKT had pleaded guilty on both charges; this had saved costs and court's time.

Held (allowing DPP's appeal)
Per Ramly Ali JCA delivering the judgment of the court:

(1) Both offences that OKT was charged with were serious offences. For the offence under s. 304(a) a human life was lost; where else for the offence under s. 376(1) a woman's dignity and that of her family was affected and tainted. The issue of public interest should be given priority when considering the sentence in this case. Public interest takes precedence over the personal interest of the OKT in such case.

(2) The court needs to balance the 'deterrence' and 'rehabilitation' factors when imposing appropriate sentences - to strike a right balance between the two. A deterring sentence not only deters OKT from committing the same offence in the future, but also deters others from committing the same offence. An appropriate sentence according to the facts of this case is a relatively long period of imprisonment in order for OKT to be fully rehabilitated. OKT is a dangerous person and should be kept separated from society for a long time. Raping and subsequently stabbing the deceased 35 times was an inhumane act that was done on his own friend's wife.

(3) An offence under s. 304(a) Penal Code is a distinct offence from an offence under s. 376(1) of the same Code. Both offences are not of one transaction, and it is not a 'principal' and 'subsidiary' offence. When the deceased woke up from her sleep and took the knife from the top of the tv, the offence of rape had been committed. OKT could have just left the deceased and proceeded elsewhere. But instead, OKT had

snatched the said knife from the hands of the deceased and stabbed her 35 times, ultimately causing the deceased's death. This was a separate action that was committed consciously.

(4) The mitigating factor submitted by OKT was insufficient to save OKT from being sentenced consecutively. OKT's personal interest, his remorse, his guilty plea; all these were insufficient to set aside the factors of public interest and safety. The mitigating factor stating that OKT had been under the influence of alcohol during the incident was merely an empty allegation and was not supported by valid evidence. OKT's action in entering the house and the room of the deceased and proceeding to pull down her skirt and panties and raping her was not an act of a drunken man who did not know what he was doing.

(5) The Judicial Commissioner erred when deciding that the two sentences under s. 304(a) Penal Code and s. 376(1) of the same Code imposed on OKT (respondent) be carried out concurrently from the date of arrest. Both the said sentences imposed on OKT should be carried out consecutively from the date of arrest.

Kes-kes yang dirujuk:

PP v. Ahmad Khairul Fa'ais Mat Dahlan & Ors [2006] 6 CLJ 555 HC ***(dirujuk)***

PP v. Leo Say & Ors [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683 HC ***(dirujuk)***

PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***

PP v. Yap Huat Heng [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 HC ***(dirujuk)***

Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC ***(dirujuk)***

Reg v. JH Sargeant [1975] 60 Cr App R74 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk

Penal Code, ss. 302, 304(a), 376(1), (4)

Bagi pihak perayu - PG Cyril; TPR
Bagi pihak responden - Saban Sawayan; T/n Saban Sawayan & Co

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu; Perbicaraan Jenayah No: K45-08-2010-11]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Ramly Ali HMR:

[1] Rayuan ini adalah merupakan rayuan oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) terhadap keputusan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu bertarikh 9 November 2010 di mana responden (OKT) telah dikenakan hukuman penjara 20 tahun (bagi kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan) dan hukuman penjara 15 tahun dan enam sebatan (bagi kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun Keseksaan); dan kedua-dua hukuman tersebut berjalan secara serentak (concurrent) dari tarikh tangkap.

[2] Rayuan ini hanyalah terhadap perintah di mana kedua-dua hukuman penjara tersebut diperintah berjalan serentak (concurrent). TPR sebagai perayu mahukan kedua-dua hukuman penjara tersebut dijalankan secara ''consecutive'' dari tarikh tangkap bukan secara ''concurrent''.

[3] OKT, pada asalnya telah didakwa dengan dua kesalahan, ie, satu, di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan satu lagi di bawah s. 376(4) Kanun yang sama. Pada 9 November 2010, OKT telah didakwa dengan dua pertuduhan alternatif, ie, satu di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan satu lagi di bawah s. 376(1) Kanun yang sama.

[4] OKT telah mengaku salah terhadap kedua-dua hukuman alternatif tersebut. Setelah dibacakan fakta-fakta kes bagi kedua-dua pertuduhan tersebut, OKT mengakui fakta-fakta kes tersebut dan mengetahui akibat pengakuan salahnya. Oleh itu, OKT telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua kesalahan alternatif tersebut. Sebagai hukuman, OKT telah dikenakan hukuman penjara 20 tahun bagi kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan penjara 15 tahun dan enam sebatan bagi kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun yang sama. Kedua-dua hukuman penjara tersebut diperintahkan supaya dijalankan serentak *(concurrent)* dari tarikh tangkap.

[5] Melalui rayuan ini, TPR menghujahkan kedua-dua hukuman tersebut sepatutnya dijalankan secara "consecutive" dari tarikh tangkap, bukan secara "concurrent"

I

Fakta Kes

[6] Fakta kes seperti yang dibacakan oleh TPR dan diakui oleh OKT di Mahkamah Terbuka adalah seperti berikut (di dalam Bahasa Inggeris):

> On 16 October 2009 at about 5pm, Ah Choi @ Chin Ah Choi were drinking alcohol with his wife Victoria Paulus (the deceased) and their friends who among them were Arman bin Harnis and Lodiveco Veleseo outside their house at MQ Wood Product Quarters, in the district of Penampang, Sabah. Somewhere later that time, they were joined by 'Belanda' (the accused) who also came to have a drink with them. Ah Choi then at about 7.10pm, left the group to go to Kobusak, leaving behind the deceased who was still drinking alcoholic drinks with the group and later came back to the house to change his clothes before heading out again to church.
>
> After a while the deceased then stopped drinking and went inside her house leaving Arman, Lodevico and the accused outside drinking alcoholic drinks. The three of them then continued drinking alcoholic drinks until the drink is finished. It was at this point of time they decided to go to a nearby market to buy one bottle of Montakuk before going back to the deceased house to have a drink.
>
> Not long after that, Ledevico then left Arman and the accused behind to go see his friends. After a while, Arman had left the deceased house leaving the accused behind still drinking Montakuk. It was at that point of time the accused then went inside the deceased house and into the deceased room where he then saw her sleeping on the floor. The accused then slowly lifted the deceased sarung and slowly pull of the underwear which she was wearing where he later then raped her while she was unconscious. It was at about the time the accused ejaculated his sperm on top of the deceased stomach, the deceased suddenly regained consciousness and started to push the accused away from her. The deceased who was angry then suddenly took a knife on top of the television inside the room and try to defend herself but was overcome by the accused who manage to take the said knife. It was that point of time the accused started to attack the deceased by stabbing her many times with the said knife at her body. The deceased then collapsed on the floor with her blouse covered with blood. The accused then fled the scene but managed to dispose the said knife into a bush area nearby the deceased house.

A At about 11pm, Ah Choi came back from church but did not see anyone outside his house but noticed that the door of his house were closed but was not locked. As he was entering his room he then saw the deceased half naked not wearing anything below her waist lying on the floor with her blouse covered with blood. Ah Choi then called Yacub @ Gabriel his neighbor who later then contacted the police.

B

The accused was later arrested on 17 October 2009 at about 10.10am, by the police. The police led by the accused then found a knife which its blade was bended, suspected to be the murder C weapon at a bush area near the deceased's house. The knife together with other exhibits seized were later sent to Jabatan Kimia for analysis and the report of the said analysis was later received by the police. A post mortem report of a forensic pathologist then confirms that that the caused of death of the deceased was due to hypovolamic shock due to or consequence D of stab wound on the chest. The pathologist were also shown the said knife found and confirmed that the bended blade of the said knife is consistent with the injuries that were found on the deceased.

E **Hujahan TPR (Perayu)**

[7] Di Mahkamah Tinggi dan di mahkamah ini, TPR menghujahkan (antara lain):

The statutory punishment provided under s. 304(a) of the Penal F Code is imprisonment which may extent to 30 years and shall also liable to fine. Under s. 376(1) of the Penal Code the punishment is imprisonment for a term which may extent to 20 years and also liable to whipping. Based on the statutory punishment itself shows that the Parliament have taken into account the seriousness of these offences as the volume of cases G causes an anxiety in this state. A deterrent sentence must be imposed on the accused as the court is the fountain of justice and carry the duty to protect the public interest. The public interest can only be best served if this kind of offender is kept away from the society. By imposing heavier sentence will definitely give a H warning and lesson not only to the accused but also to the want to be offender.

[8] Di mahkamah ini, TPR menghujahkan bahawa kedua-dua hukuman penjara ke atas OKT patut berjalan secara ''consecutive'' dari tarikh tangkap, bukan secara "concurrent".

I

Hujahan OKT (Responden)

[9] Sebagai mitigasi, OKT menghujahkan bahawa:

(a) OKT mempunyai dua orang anak, berumur 7 dan 9 tahun yang tinggal bersama ibu OKT;

(b) OKT dan si mati kedua-duanya dalam keadaan mabuk (drunk) semasa kejadian berlaku;

(c) OKT menjadi panik apabila si mati menjadi marah apabila mengetahui yang bukan suaminya melakukan seks ke atas dirinya, sebaliknya dilakukan oleh OKT;

(d) pisau yang digunakan oleh OKT untuk menikam si mati adalah diambil oleh OKT daripada si mati yang tersangat marah kepada OKT;

(e) OKT telah menyesal tentang perlakuannya;

(f) OKT berjanji kepada mahkamah untuk menjadi orang yang baik selepas ini; dan

(g) OKT telah mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan; ini telah menjimatkan kos dan masa mahkamah.

Pendapat Mahkamah Ini

[10] Tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua kesalahan yang disabitkan ke atas OKT (s. 304(a) dan s. 376(1) Kanun Keseksaan) adalah merupakan kesalahan yang sangat serius. Kesalahan di bawah s. 304(a) boleh dihukum dengan hukuman penjara maksima 30 tahun manakala hukuman di bawah s. 376(1) pula boleh dihukum dengan hukuman penjara maksima 20 tahun dan sebatan. Bagi kesalahan di bawah s. 304(a) nyawa seorang manusia telah hilang; manakala bagi kesalahan di bawah s. 376(1) pula maruah seorang wanita serta kaum keluarganya telah terjejas dan tercemar.

[11] Mahkamah ini berpendapat isu kepentingan awam (public interest) perlu diberikan keutamaan di dalam menimbangkan hukuman di dalam kes ini. Kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi OKT di dalam kes sedemikian. (lihat keputusan Hashim Yeop Sani J. di dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102).

[12] Begitu juga di dalam kes *Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209, Mahkamah Persekutuan pernah memutuskan:

> In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.

[13] Begitu juga di dalam kes *Reg v. JH Sargeant* [1975] 60 Cr App R74, Mahkamah Rayuan di England juga pernah memutuskan:

> Those classical principles are summed up in four words retribution, deterrence, prevention and rehabilitation. Any judge who comes to sentence ought always to have those for classical principles in mind and to apply them to the facts of the case to see which of them has the greatest importance in the case with which he is dealing.

[14] Prinsip yang sama juga perlu dipertimbangkan di dalam menentukan sama ada hukuman-hukuman ke atas OKT patut dijalankan secara ''concurrent'' atau ''consecutive''. Ini akan melibatkan tempoh sebenar sesuatu hukuman penjara yang perlu dijalani oleh seseorang OKT. Bagi hukuman secara ''concurrent'' tempoh penjaranya adalah lebih pendek daripada tempoh bagi hukuman secara ''consecutive''. Dalam kesalahan-kesalahan yang sangat serius (seperti di dalam kes ini) tempoh penjara yang lebih panjang adalah lebih berkesan dan bersesuaian bagi tujuan "retribution, deterrence, prevention and rehabilitation" seperti yang dinyatakan di dalam kes-kes autoriti di atas.

[15] Di dalam kes ini mahkamah perlu seimbangkan ciri ''deterrence'' dengan ciri ''rehabilitation'' di dalam mengenakan hukuman yang setimpal dan berpatutan - "to strike a right balance between the two". Sesuatu hukuman yang berciri "deterrence" bukan sahaja menghalang OKT daripada mengulangi kesalahannya di masa akan datang, tetapi juga perlu menghalang orang lain daripada melakukan kesalahan yang sama; manakala hukuman yang berciri "rehabilitation" bertujuan untuk memulihkan OKT menjadi orang yang baik dan dapat diterima oleh masyarakat selepas menjalani hukuman berkenaan. Dalam pada itu kepentingan kaum keluarga si mati perlu juga diambil kira. Keselamatan masyarakat

(public safety) perlu juga diambil kira. Kesalahan yang dilakukan oleh OKT di dalam kes ini, sedikit sebanyak telah menyebabkan 'anxiety and fear' di kalangan masyarakat terutamanya masyarakat setempat.

[16] VT Singham J di dalam kes *PP v. Ahmad Khairul Fa'ais Mat Dahlan* & Ors [2006] 6 CLJ 555 pernah menyatakan:

> The court, in sentencing any prisoner, has an obligation to have regard to the public's expectation of what an appropriate punitive period of imprisonment should be having regard to all the relevant circumstances.

[17] Hukuman yang setimpal dalam fakta kes ini ialah suatu tempoh penjara yang agak panjang supaya pihak penjara dapat ''rehabilitate'' OKT secukupnya. Orang seperti OKT perlu dipisahkan daripada masyarakat bagi tempoh yang mencukupi untuk proses ''rehabilitation'', setelah mengambil kira semua kepentingan yang telah dinyatakan di atas.

[18] Fakta keterangan di dalam kes ini jelas menunjukkan OKT adalah seorang yang ''bahaya'' dan patut diasingkan daripada masyarakat setempat bagi suatu tempoh yang panjang. OKT minum arak (alcohol) bersama kawan-kawannya termasuk si mati dan suami si mati dan beberapa kawan lain. Bila suami si mati dan kawan lain meninggal tempat itu, OKT dengan sengaja telah masuk ke bilik si mati (yang sedang tidur ketika itu) dan merogolnya. Apabila si mati sedar dari tidurnya, beliau telah mengambil pisau untuk mempertahankan dirinya. OKT telah merampas pisau tersebut daripada si mati dan menikam si mati sebanyak 35 tikaman. Ini merupakan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh seseorang ke atas isteri kawannya sendiri.

[19] Di dalam kes ini kesalahan di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan adalah merupakan kesalahan yang berbeza (distinct) daripada kesalahan di bawah s. 376(1) Kanun yang sama. Semasa kesalahan di bawah s. 304(a) dimulakan, OKT telah pun selesai melakukan kesalahan di bawah s. 376(1). Ini bermakna kedua-dua kesalahan tersebut bukan merupakan satu transaksi, juga bukan merupakan kesalahan ''principal'' dan ''subsidiary''. Dalam hal ini, mahkamah bersetuju dengan hujahan TPR yang mengguna pakai prinsip yang pernah diputuskan di dalam kes *PP v. Yap Huat Heng* [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 seperti berikut:

A

> Where two or more distinct offences had been committed, sentences of imprisonment should not be made to run concurrently. It should only be made concurrent when an offender had been convicted of a principal and a subsidiary offence. In all other cases sentences should be made to run consecutively.

B

[20] Semasa si mati tersedar dari tidurnya dan mengambil pisau dari atas TV, kesalahan merogol telah pun selesai. OKT sepatutnya boleh beredar meninggalkan si mati. Sebaliknya OKT merampas pisau tersebut dari tangan si mati dan menikam si mati sebanyak 35 kali yang akhirnya menyebabkan kematian si mati.
C Ini merupakan tindakan yang berasingan yang dilakukan secara sedar.

[21] Faktor mitigasi yang dikemukakan oleh OKT tidak begitu mencukupi untuk menyelamatkan beliau daripada dihukum secara
D "consecutive". Kepentingan peribadi OKT tidak cukup untuk mengenepikan kepentingan awam (public interest). Begitu juga perasaan "penyesalan" OKT selepas melakukan kesalahan-kesalahan tersebut juga tidak dapat mengatasi kepentingan awam yang dipertimbangkan.

E

[22] Begitu juga pertimbangan pengakuan salah (guilty plea) oleh OKT terhadap kesalahan berkenaan. Faktor tersebut juga tidak begitu kuat untuk mengetepikan faktor kepentingan dan keselamatan awam yang telah diperjelaskan di atas.
F Faktor berkepentingan dan keselamatan awam adalah merupakan pertimbangan yang paling utama dan mendahului pertimbangan-pertimbangan yang lain. Prinsip ini pernah diterima pakai di dalam kes *PP v. Leo Say & Ors* [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683 di mana telah diputuskan:

G

> As I have said earlier, all three pleaded guilty. Although they are entitled to some credit for that, it must be set off against the enormity and seriousness of the crime that they have committed.

[23] Mitigasi yang mengatakan OKT di dalam keadaan mabuk
H semasa kejadian berlaku adalah dakwaan kosong yang tidak disokong oleh keterangan yang sah. Tindakan OKT memasuki rumah dan bilik si mati dan seterusnya menarik kain dan seluar dalam si mati dan terus merogolnya bukan merupakan tindakan seorang yang mabuk sehingga tidak mengetahui apa yang
I dilakukan. OKT sedar dan tahu apa yang beliau lakukan.

Keputusan

[24] Berdasarkan pertimbangan di atas, mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa Pesuruhjaya Kehakiman telah khilaf di dalam memutuskan bahawa kedua-dua hukuman di bawah s. 304(a) Kanun Keseksaan dan s. 376(1) Kanun yang sama ke atas OKT (responden) dijalankan secara ''concurrent'' dari tarikh tangkap. Mahkamah ini memutus dan memerintahkan bahawa kedua-dua hukuman tersebut ke atas OKT (responden) hendaklah dijalankan secara berasingan (consecutive) dari tarikh tangkap. Dengan itu rayuan oleh TPR adalah dibenarkan.